

Selepas 30 tahun, keluarga Memali masih cari jawapan, mahu penyelesaian
Malaysian Insider
5 Apr, 2014
Oleh Looi Sue-Chern

Selepas hampir 30 tahun, mereka yang terselamat daripada tragedi Memali yang mengorbankan 14 penduduk kampung dan empat pegawai polis mahukan keadilan bagi mereka yang kehilangan nyawa dan kebenaran mengenai mengapa ianya berlaku dan siapa yang bertanggungjawab.

Harapan ini berpunca daripada pendedahan bekas Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Dalam Negeri Tun Musa Hitam minggu lepas mengatakan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berada di dalam negara ketika insiden itu berlaku, bercanggah dengan laporan media dahulu yang mengatakan beliau berada di China.

Sekarang mereka ingin ketahui apakah peranan Dr Mahathir dalam insiden itu.

Pendedahan ini juga menyebabkan ahli Parlimen pembangkang menuntut Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ditubuhkan untuk menyiasat tragedi berdarah itu.

Bagi Saleha Husin, 61, yang kehilangan suaminya, Ibrahim Mahmud ketika insiden Memali berlaku pada November 1985 di perkampungan terpencil di Baling, Kedah, penyiasatan akan membantu menjawab persoalan daripada ahli keluarga mangsa yang terkorban.

"Sudah hampir tiga dekad. Saya tidak tahu hendak kata apa ... tetapi sudah pasti saya mahu penamatan bagi perbincangan ini," katanya kepada The Malaysian Insider dalam satu temubual telefon.

Ibrahim, yang dikenali sebagai Ibrahim Libya, adalah guru agama yang "berpengaruh" dan pemimpin politik yang mengendalikan sekolah di kediamannya di Kampung Charuk Putih.

Dituduh menyebarkan ajaran sesat, Ibrahim dijadikan sasaran serbuan polis di kampung berkenaan pada pagi 19 November. Dia ditembak bersama mereka yang menghadiri kelasnya pagi itu.

Saleha berkata Ibrahim berdiri di hadapannya ketika ditembak.

"Ketika dia ditembak, saya berlari ke arahnya. Penduduk kampung pegang dan letakkan dia di pangkuan saya.

"Banyak darah pada masa itu ... macam air paip. Kemudian polis arahkan saya bangun dan menyerah.

"Suami saya masih lagi hidup pada ketika itu. Dia tanya saya apa yang berlaku. Bila saya dipaksa ke tepi, saya nampak orang lain pun kena tembak," katanya mengingati kembali kejadian itu.

Saleha ditahan oleh anggota polis bersama lebih 100 penduduk kampung yang didakwa "menyerang" polis ketika serbuan itu.

Ketika siasatan pada awal penahanannya, beliau ditanya pelbagai soalan, seperti penglibatan Ibrahim dalam ajaran sesat, dan membuatkan suaminya itu kelihatan seperti penjenayah.

Beliau berkata mereka yang ditahan sepertinya dipaksa mengaku Ibrahim mengajar ajaran sesat.

"Saya ditahan selama dua bulan tujuh hari, kebanyakan masanya di penjara Alor Star selepas Tanjung Pari dan Sungai Petani. Tiada lagi soal siasat di penjara Alor Star.

"Kami beratur dalam barisan setiap pagi dan menyanyikan lagu Negaraku. Kami diberi tugas membersihkan longkang dan tandas. Kami diberi makan sedikit," katanya.

Saleha mengetahui dia hanya akan dibebaskan pada saat-saat akhir dan tidak sempat menghubungi sesiapa bagi menjemputnya pulang ke rumah dan beliau terpaksa menggunakan teksi.

"Saya balik dan lihat rumah saya musnah. Tempat kerja suami saya berseparah dan duit yang saya simpan untuk sekolah, madrasah, surau dan gaji guru hilang," katanya.

Saleha menuruskan kehidupan dan menjaga lima anak Ibrahim. Saleha kini mempunyai 10 cucu dan bakal menerima dua lagi cucu penghujung tahun ini.

Beliau berkata menerima pampasan RM20,000 bagi kematian suaminya daripada kerajaan pada 2004, sama seperti 13 janda daripada kampung itu.

"Kami ke mahkamah namun tidak berhasil, kami perlu selesaikannya di luar mahkamah. Kami orang kampung jadi ikut sahaja kata peguam," katanya.

"Kami diberitahu mahkamah menutup kes itu, kami ikut sahaja peguam.

"Kes itu tidak pernah disebut di mahkamah sebagai insiden Memali. Jadi persoalan kami belum terjawab," katanya.

Bagi Zakaria Abdul Rahman, 52, yang ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) ekoran tragedi itu berkata penduduk kampung masih lagi bersedih.

Mereka tidak diberitahu kisah sebenar dan mengapa perkara itu berlaku.

Bapanya, Abdul Rahman Jusoh ditembak di abdomen bawahnya dan meninggal dunia disebabkan kecederaan tersebut dua bulan kemudian, berkata mereka dituduh menyerang polis dan cuba menjatuhkan kerajaan.

"Macam mana kami mampu menyerang polis kerana ratusan polis termasuk Unit Simpanan Persekutuan yang datang ke kampung kami dengan bersenjata?"

"Kami terkejut bila mereka menembak Ibrahim dan gas pemedih mata. Kami tak jangka polis akan buat sampai macam tu. Mampukah kami melakukan semua itu sedangkan kami masih terkejut?"

"Ingat senang hendak jatuhkan kerajaan? Kalau betul pun pasti sudah lama kami terjerat," katanya ketika ditemui di perkampungan tersebut.

Zakaria berkata, tiada bukti Ibrahim melakukan tindakan sedemikian.

Ibrahim, katanya bersikap kritikal terhadap kerajaan dan disebabkan beliau begitu berpengaruh, mereka yang menjadi seteru politikanya berasa tidak selesa.

"Apa maksud sebenarnya, dan definisi siapa? Adakah bersama PAS itu salah?"

"Ibrahim mengajar agama dan penduduk kampung ingin menuntut ilmu dengannya dan menghormati lelaki tersebut. Dia tidak minta orang berhimpun dan melindunginya.

"Dia juga pernah bekerja dengan jabatan agama kerajaan jadi kami merasakan dia yang akan menghentikan perkara yang tidak betul. Penduduk mempertahankannya," kata Zakaria.

"Jika pihak berkuasa cuba untuk menahan paderi atau sami, sudah pasti pengikutnya akan buat perkara sama," katanya, dan menambah Ibrahim enggan ditahan polis kerana tidak mahu ditahan di bawah ISA.

Zakaria adalah salah seorang penduduk kampung yang ditahan ISA di Kem Kamunting selama enam bulan selepas tragedi Memali.

Datuk Muhamad Yusof Husin yang juga senator PAS turut menjadi pemimpin mereka.

Zakaria berkata, perkara itu tidak dirancang dalam satu hari, ia dilakukan atas motif politik ketika ketegangan antara PAS dan Umno berlaku.

Beliau berkata ketika soal siasat, semua soalan menjurus ke arah politik.

"Saya melihatnya sebagai tindakan politik.

Dr Mahathir, Musa dan pemimpin bahagian Umno turut bertelagah berkenaan insiden Memali dalam Perhimpunan Umno 1986.

"Ia tidak berlaku seperti mana mereka mahu rakyat percaya. Jauh sekali. Mereka yang meninggal dunia, mati mempertahankan diri dan orang lain.

"Sama ada Dr Mahathir di sini atau tidak bukan isu besar. Apa yang penting keadilan untuk penduduk di Memali," katanya.

Penduduk juga berhadapan stigma dan salah tafsir berkenaan insiden tersebut, kata Zakaria, dengan orang luar berfikir penduduk Memali kasar dan bersikap seperti samseng.

"Kami mahukan kebenaran, supaya kami boleh bertenang."

Kebanyakan anggota keluarga Zakaria terlibat dan terkesan dengan insiden tersebut.

Abang sulungnya Md Yusop adalah anggota polis ketika insiden itu berlaku. Dua hari kemudian Yusop dipindahkan ke luar kawasan.

Dua lagi abangnya dalam pasukan polis turut dipindahkan. Salah seorang daripada mereka ditukarkan ke Pahang.

Yusop, 58, yang kini bersara menimbulkan persoalan terdapat perkara besar yang berlaku, namun amat sedikit yang mereka tahu.

"Kami berempat anak Memali dalam pasukan polis. Kami semua mendapat surat pindah.

"Nampak jelas ketika saya di Alor Star. Saya tidak diberi cuti jadi saya tetap berada di sana.

"Saya tahu apa yang berlaku dengan menonton TV3. Saya terus bekerja tetapi keliru. Tiada yang boleh saya lakukan," katanya.

Sementara itu, salah seorang penduduk Memali dan bekas tahanan ISA, Zaman Mahmud, 62, yang juga digelar Pak Teh Man oleh penduduk, menggelar Ibrahim sebagai guru agama yang baik.

Beliau berkata, sebelum Ibrahim mula mengajar, mereka mempunyai pengetahuan agama yang sedikit.

"Saya sedih apabila saya dengar Musa berkata Dr Mahathir berada di Kuala Lumpur pada masa itu. Kebanyakan kami mahu menyalahkan beliau kerana beliau perdana menteri.

"Saya harap fail akan dibuka semula. Mereka akan menyasat insiden itu sebaik mungkin."

Musa mendedahkan minggu lepas Dr Mahathir berada di Kuala Lumpur ketika insiden Memali.

Semalam, Musa mengatakan dalam satu kenyataan beliau dan pemangku ketua polis negara pada ketika itu memberikan taklimat kepada Dr Mahathir berhubung apa yang berlaku dalam operasi polis di Memali.

Musa berkata, beliau memohon Dr Mahathir menangguhkan program lawatan ke China, tetapi Dr Mahathir membuat keputusan untuk tetap ke China.

Dr Mahathir setakat ini masih belum memberikan sebarang jawapan konkrit, tetapi mengatakan beliau tidak ingat apakah Musa bercakap benar kerana insiden ini sudah lama berlaku.

Sesetengah penulis blog mempertahankan Dr Mahathir dengan mengeluarkan senarai nama orang yang ke China bersamanya. – 5 April, 2014.

Hakcipta © 2014 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/selepas-30-tahun-keluarga-memali-masih-mencari-jawapan-mahu-penyelesaian>